

## Pilih Kasih Duta Besar Persekutuan Tanah Melayu di Kaherah

(Oleh: Anak Melayu di Kaherah)

Pada Hari Raya Aidil Fitri tahun 1381 yang lalu, satu peristiwa telah berlaku, yang patut menjadi ingatan dan catitan sejarah bagi anak-anak Melayu yang berkesedaran di Kaherah, iaitu hari pengeluaran jemputan yang telah diedarkan oleh Duta Besar Persekutuan Tanah Melayu di sini bersebab daripada pendirian yang tidak adil dan pandangan yang tidak sama diberikan kepada rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang bermukim di Republik Arab Bersatu.

Kami anak-anak Melayu di sini amat kesal dengan sikap pilih kasih yang telah menjadi pegangan kepada beliau dan kami masih tertanya-tanya akan kewajipan beliau itu. Kerana apabila satu-satu perkara untuk kepentingan penuntut dibentangkan kepada beliau maka jawapan yang diterima ialah katanya: "Saya tidak mempunyai mandat!" Boleh jadi menghabiskan masa di meja terup dan memasukkan fahaman perseteruan di kalangan masyarakat Melayu Mesir itulah satu-satu mandat yang diterima oleh beliau dari pihak yang berkenaan di tanah air kerana beliau adalah cergas bergerak di dalam jurusan ini.

Oleh hal yang demikian kami selaku rakyat yang taat setia kepada pemerintah negara Persekutuan Tanah Melayu dan yang sangat curiga kepada polisi kerajaan, kami memohon perhatian dari pihak yang berkuasa di sana semoga dengannya nama baik negara kita yang telah diperjuangkan sejak berpuluh-puluh tahun dapat dikekalkan dan harumlah nama Persekutuan Tanah Melayu di luar dan di dalam.

Untuk penjelasan biarlah saya perturunkan apakah sebenarnya yang berlaku pada hari raya dan dari manakah timbulnya peristiwa itu?

Pada bulan Ramadān yang lalu Tuan Yang Terutama Duta Besar telah mengadakan beberapa kali jamuan untuk orang-orang Melayu di sini, tetapi dengan dukacitanya disebut, jemputan itu hanya diedarkan kepada mereka yang pada sangkaan beliau dapat dipengaruhi, adapun mereka yang agak bertentangan dengan polisi beliau telah ditinggalkan malah tidak dipedulikan langsung. Tetapi sangkaan beliau itu adalah salah kerana pelajar-pelajar Melayu di sini bolehlah diumpamakan dengan satu badan manakala satu bahagian tertekan, kesemuanya akan merasai. Dalilnya ialah berlakunya pemulauan jemputan yang telah diedarkan oleh beliau untuk menghadiri jamuan beliau pada petang Hari Raya Aidil Fitri. Mengikut tinjauan saya bahawa mereka yang turut hadir di dalam upacara tersebut lebih kurang hanya 50 orang sahaja manakala bilangan pelajar-pelajar di sini ialah sebanyak 170 orang.

Dengan adanya tunjuk perasaan secara halus ini kami berharap menjadi tauladan dan hendaklah diperbaiki penyakit ini sebelum merebak.

Sekianlah – terima kasih.

